

**PERHIMPUNAN BULANAN
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA
BAGI BULAN APRIL 2010**

UCAPAN OLEH:

**Y.B. DATO' SHAZIMAN BIN ABU MANSOR
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

**PADA 8 APRIL 2010 (KHAMIS)
DI DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID,
BLOK C, KOMPLEKS KERJA RAYA.**

Bismilahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam sejahtera dan salam Satu Malaysia.

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

Y.B. Dato' Yong Khoo Seng

Timbalan Menteri Kerja Raya

Y.Bhg. Datuk Thomas George

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Y. Bhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin Bin Abd Karim

Ketua Pengarah Kerja Raya

Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)

Y.Bhg. Datuk Ir. Hamzah Bin Hassan

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

Y.Bhg. Dato' Ir. Haji Ismail Bin Md Salleh

Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

Y.Bhg Ir. Ahmad Asri Bin Abdul Hamid

Presiden Pusat Pembangunan Perkhidmatan Profesional (PSDC)

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya jua sekali lagi kita dapat berkumpul pada pagi ini. Sesungguhnya perhimpunan seperti ini merupakan suatu platform yang amat wajar dalam memastikan hasrat dan aspirasi Kerajaan dapat disampaikan kepada penjawat awam khususnya di Kementerian Kerja Raya.

Hadirin dan hadirat sekalian,

2. Pepatah lama yang terkenal mengatakan 'masa itu emas', namun dalam suasana persekitaran pada hari ini, masa merupakan suatu yang tidak ternilai dan tidak boleh dijual beli. Tanpa kita sedari, bulan ini telah genap tempoh setahun pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beserta barisan Kabinetnya dalam menerajui Kerajaan. Ekspektasi yang tinggi telah diletakkan ke atas bahu Kerajaan. Rakyat mahukan hasil dan perubahan dilakukan dalam tempoh masa yang singkat. Sekalipun dalam keadaan ekonomi yang serba tidak menentu, Kerajaan telah berjaya mengharungi tempoh setahun yang mencabar hasil daripada strategi-strategi yang pragmatik dan komprehensif. Gagasan 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan, Model Ekonomi Baru dan 2 lagi inisiatif yang bakal diumumkan iaitu Program Transformasi Ekonomi dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe10) bakal merubah secara keseluruhan landskap sosio dan ekonomi Malaysia ke arah mencapai wawasan negara.

3. Kegigihan dan semangat yang ditunjukkan oleh YAB Perdana Menteri seharusnya dijadikan iktibar oleh kita semua supaya bekerja dengan lebih keras lagi memandangkan Kementerian ini merupakan peneraju utama pembangunan infrastruktur negara. Sepanjang tempoh setahun saya berada di sini, pelbagai penambahbaikan dan kejayaan telah berjaya dilaksanakan hasil daripada komitmen dan sokongan padu yang diberikan oleh tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Projek-projek Rancangan Malaysia ke Sembilan dan Pakej Rangsangan Ekonomi telah berjaya dilaksanakan mengikut jadual dan perancangan. Malah pelaporan mengenai prestasi projek-projek tersebut telah dibentangkan secara bulanan ke Kabinet.

Hadirin dan hadirat sekalian,

4. Sepertimana yang saya sering tekankan sebelum ini, Kementerian Kerja Raya khususnya JKR mempunyai tugas yang amat berat dalam memastikan imej JKR selaku penasihat teknikal utama Kerajaan sentiasa diperkukuhkan. Bagi saya, ***legacy is not inherited, but is to be built***. Antara usaha-usaha yang telah dilakukan adalah dengan mempertingkatkan sistem pengurusan projek dan memperketatkan pemberian kelulusan tempoh lanjutan masa (EOT). Melalui inisiatif ini, JKR secara tidak langsung telah membantu Kerajaan dalam memastikan ***cash flow*** peruntukan yang disalurkan ke setiap Kementerian dapat dibelanjakan mengikut perancangan.

5. Kesannya, industri pembinaan negara telah berkembang secara positif pada setiap setiap suku tahun 2009. Perkembangan ini telah berjaya mengembalikan semula keyakinan pelabur-pelabur asing bahawa persekitaran ekonomi Malaysia telah kembali pulih dan berdaya saing berbanding negara-

negara serantau. Oleh yang demikian, saya amat berharap inisiatif CIDB melalui pengenalan **Akta CIPAA** dapat dibentang dan diluluskan di Parlimen pada tahun ini. Selain itu, inisiatif dalam mempromosikan **IBS bagi sektor swasta** melalui pengenalan IBS Standardization harus disegerakan. Inisiatif-inisiatif baru yang lain berasaskan kreativiti dan inovasi perlu sentiasa diterokai oleh semua pihak. CIDB dan pemain-pemain industri binaan perlu bekerjasama dengan lebih rapat lagi terutamanya dalam merangka hala tuju industri ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

6. Kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan yang besar dalam meningkatkan jaringan perhubungan darat melalui pembinaan jalan raya. Namun, apabila jalan-jalan ini telah siap dibina, kita berhadapan dengan cabaran untuk memastikan kualiti jalan tersebut selamat dan selesa digunakan. Program-program seperti menyahhitamkan kawasan kerap berlaku kemalangan, kempen keselamatan jalan raya dan penyenggaraan yang lebih rapi telah dilakukan bertujuan untuk mendahulukan rakyat selaku pengguna jalan raya. Namun yang demikian, walaupun pelbagai inisiatif telah dilaksanakan, kita masih dibayangi dengan **isu kenaikan tol** yang sehingga ke hari ini masih diperingkat penelitian oleh pihak Unit Perancang Ekonomi. Dalam pada masa yang sama, saya yakin LLM telah mempunyai perancangan yang rapi dalam memastikan setiap lebuhraya mempunyai laluan alternatif masing-masing.

Hadirin dan hadirat sekalian,

7. Dalam tempoh masa yang mendatang ini, masih banyak yang perlu dilakukan:

- **Integrasi data yang lebih komprehensif dan sistematik** merupakan antara misi kita yang masih belum disempurnakan. Maklumat-maklumat penting di Kementerian dan agensi perlu diselaraskan dan diurus secara berpusat bagi memastikan data yang tepat dan mudah dicapai;
- Kita juga perlu mempunyai **hala tuju yang jelas dalam program pembangunan kontraktor dan juru perunding**. Ini termasuklah program pembangunan usahawan Bumiputera dalam industri pembinaan yang bersesuaian dan selaras dengan Model Ekonomi Baru. Satu pangkalan data yang lebih komprehensif mengenai konsultan dan kontraktor yang ada di Malaysia perlu diintegrasikan dan diharmonikan menerusi **pelaksanaan pendaftaran bersepadu kontraktor atau 1RoC**. Ini amat penting bagi memastikan rekod keupayaan dan kapasiti setiap syarikat dapat dinilai dan dipantau dengan lebih berkesan dan seterusnya meningkatkan kompetensi para penggiat industri binaan;
- **Pengurusan projek di tapak perlu lebih diperkemaskan dan dipertingkatkan** supaya tiada lagi berlaku kerosakan atau kegagalan dalam sesuatu projek. Dalam perkara ini, Pegawai Penguasa Projek atau S.O perlu bijak dalam menjaga kepentingan Kerajaan di samping

memudahkan kontraktor melaksanakan kerja tanpa sebarang kompromi terhadap kualiti. Tugas ini adalah suatu tugas yang mencabar, tetapi samada suka ataupun tidak, S.O perlu memastikan projek dapat disiapkan mengikut jadual dan selamat digunakan;

- Seterusnya, KKR perlu **memobilisasikan sepenuhnya kekuatan modal insan yang ada di setiap agensi**. Dalam kata mudah, biarlah yang pakar dalam bidang jambatan merekabentuk dan mengawalselia pembinaan jambatan dan yang pakar dalam cerun menjaga cerun-cerun yang ada di Malaysia. Kita tidak mahu kepakaran yang ada di Kementerian ini tidak digunakan dan pada akhirnya merugikan pihak Kerajaan sendiri. Berjuta-juta ringgit telah dilaburkan untuk tuan-tuan dan puan-puan sekalian sejak di peringkat menengah hinggalah ke peringkat universiti termasuk latihan dan kursus semasa bekerja.

Hadirin dan hadirat sekalian,

8. Dalam mengharungi cabaran dalam tahun 2010 yang hanya berbaki lebih kurang 9 bulan sahaja lagi, kita sememangnya tiada pilihan selain memberikan kualiti penyampaian perkhidmatan yang terbaik. Perlakuan dan tindakan kita haruslah selari dengan peranan kita selaku '*technical expert*' kepada Kerajaan. Kita perlu mengembalikan keyakinan semua pihak bahawa kita lah yang paling layak untuk melaksanakan projek-projek kerajaan. ***All government projects must have our endorsement.*** Selaku agensi teknikal utama di negara ini, kita seharusnya bertindak sebagai pakar rujuk utama atau *single reference point* dalam pelaksanaan projek infrastruktur awam merangkumi aspek perancangan, pembinaan dan penyenggaraan.

9. Perlu diingat, kita juga tidak harus mengabaikan nilai-nilai yang perlu ada dalam diri kita selaku ***the custodian of public interest***. Pastikan kehadiran kita dalam melaksanakan tugas setiap hari baik di pejabat mahupun di tapak adalah tidak sia-sia dan berbaloi dengan ganjaran yang di terima. Setiap sen wang rakyat yang dibelanjakan adalah sepadan dengan perkhidmatan dan produk yang dihasilkan. Kita juga dituntut supaya mengamalkan sikap profesionalisme yang tinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita. Tahap profesionalisme yang tinggi ini dapat diterjemahkan melalui rasa tanggungjawab yang besar dan '***sense of ownership***' dalam setiap kerja yang dijalankan dan seterusnya diukur bukan sahaja melalui hasil kerja yang berkualiti tetapi juga dalam jangka masa yang ditetapkan.

10. Akhir kata, ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen yang tidak berbelah-bagi dan bekerja bersama-sama saya demi mempertingkatkan imej dan prestasi Kementerian ini. Ingatlah, "***We are here to serve, not to be served***".

Sekian, wabillahitaufik wal hidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.